


SAKSIKAN.... Profesor Dr. Jualang (tengah) menyaksikan Dekan FKAL, Profesor Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid (dua kiri) dan Owen Chen Chee Onn, CEO Neurogine Group bertukar-tukar dokumen pada Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LOI) di Bilik Eureka Bangunan Menara UMSKAL pada Rabu.



PERSEFAHAMAM.... Profesor Dr. Jualang (tengah) menyaksikan Dekan FKAL, Profesor Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid (dua kiri) dan Sahnuddin Ariffin, Penolong Kanan Kurikulum SMK Rancha-Rancha bertukar-tukar dokumen pada Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LOI) di Bilik Eureka Bangunan Menara UMSKAL pada Rabu.

FKAL jalin kerjasama dengan Neurogine Group, SMK Rancha-Rancha

NST 28.02.2014

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Profesor Dr. Jualang @Azlan Abdulilah Gansau telah menghadiri Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LOI), yang pertama di antara Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Neurogine Group of Companies serta SMK Rancha-Rancha di Bilik Eureka Bangunan Menara UMSKAL pada Rabu.

Pada majlis itu, Profesor Dr. Jualang menyaksikan Dekan FKAL, Profesor Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid menandatangani Surat Hasrat dengan Owen Chen Chee Onn, CEO Neurogine Group of Companies dan Sahnuddin Ariffin, Penolong Kanan Kurikulum SMK Rancha-Rancha.

Turut hadir Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Dan Chooi, Vice President Neurogine Group of Companies.

Hadir sama Timbalan Pendaftar Dekan FKAL,

Prof Madya Dr Lee Hock Ann, Dr Sharina Puasa dan Dr Suzillah Sidek serta Zaharah Mat Jali, Ketua Bidang Bahasa SMK Rancha-Rancha.

Prof Madya Dr Mohamad Rizal ketika berucap pada majlis itu berkata usaha untuk mendidik pelajar institusi pengajian tinggi seperti UMS dalam era Revolusi Industri 4.0 kini adalah satu tugas yang amat mencabar.

Dalam era revolusi industri 4.0, kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) perlu cepat berubah agar ia sentiasa bersesuaian dengan perubahan teknologi yang pantas.

Pensyarah dan pelajar perlu berubah dan menerima pakai kaedah P&P yang melandaskan kendiri, fleksibel, berpusatkan pelajar dan sepanjang hayat.

Katanya, kaedah yang diperlukan adalah sistem yang bukan sahaja mampu melahirkan pelajar yang mampu belajar sepanjang hayat tetapi mempunyai kemahiran yang menyeluruh yang dapat menyediakan mereka untuk menangani

perubahan yang pantas di dunia industri.

"Justeru itu, saya amat berbangga bahawa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Neurogine Group akan menjalankan hubungan kerjasama dalam aktiviti akademik dan melanjutkan kerjasama ini demi kepentingan masyarakat," katanya.

Tambah Prof Madya Dr Mohamad Rizal, untuk meningkatkan keupayaan pengajaran dan pembelajaran, FKAL berhasrat untuk bekerjasama dalam aktiviti berikut iaitu Neurogine Group akan menawarkan peluang latihan industri kepada pelajar tahun akhir Fakulti.

Katanya, Neurogine Group menawarkan peluang pekerjaan kepada alumni Fakulti manakala Fakulti menawarkan staf Neurogine Group dengan peluang untuk melanjutkan pengajian di Fakulti (tertakluk kepada syarat kemasukan minimum).

"FKAL dan Neurogine Group akan bekerjasama dalam mana-mana bidang lain yang akan

dipersetujui oleh kedua-dua pihak," katanya.

Selari dengan hasrat Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia 2013-2025, untuk melahirkan modal insan yang holistik, pihak FKAL tidak hanya menitikberatkan kecemerlangan akademik mahasiswa tetapi juga memandang serius akan hal-hal yang melibatkan kecemerlangan sahsiah dan kemandirian mahasiswa.

Justeru itu, fakulti berhasrat untuk menjalankan kerjasama dalam program yang berbentuk akitiviti sukan, sosial dan kemasyarakatan bersama-sama dengan SMK Rancha-Rancha.

"Saya percaya LOI ini akan memberi impak kepada FKAL bukan sahaja dari segi latihan industri, pengambilan pelajar Pascasiswazah, kebolehpasaran graduan (GE) dari pengalaman industri dalam kalaangan staf akademik, malah turut membantu membentuk personaliti dan sahsiah terpuji mahasiswa dan ahli universiti," katanya. **OLEH JAINUDIN DJIMIN**